

# Alumni UMS kongsi inspirasi sebagai jurutera wanita dalam industri pembinaan

UB 2.12.2019 H

**KOTAKINABALU:** Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS), Fauziah Halim berkesempatan berkongsi pengalaman dan inspirasi beliau dalam menceburi bidang kerjaya sebagai jurutera dalam industri pembinaan projek lebuh raya dalam satu program bersama pelajar tahun dua program Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan (FKJ) di tapak pembinaan projek lebuh raya Pan Borneo (Pakej 27, dari Kg. Lot M ke Sandakan Mile 32) baru-baru ini.

Fauziah yang merupakan graduan Kejuruteraan Awam tahun 2012 kini merupakan jurutera QA/QC di syarikat Sri Jutaya Sdn. Bhd. yang terlibat dengan pembinaan projek lebuh raya Pan Borneo.

Dalam perkongsiannya, beliau menjelaskan terdapat perbezaan di antara elemen 3D (Difficult, Dangerous, Dirty) bagi projek lebuh raya

dengan projek bangunan.

“Amat penting untuk memahami konsep dan perbezaan 3D antara jenis pembinaan yang ada di luar.

“Tugas-tugas dalam 3D juga sangat penting untuk memastikan keselamatan diri dan orang sekeliling dalam keadaan selamat,” katanya.

Menurut Fauziah lagi, kedudukan beliau sebagai seorang jurutera wanita bukanlah satu halangan malahan merupakan satu kelebihan untuk bekerja dalam bidang pembinaan.

“Pelajar tidak perlu khuatir kerana jurutera wanita telah banyak memasuki bidang kejuruteraan dan sangat sinonim dengan kejayaan sebagai seorang jurutera yang bersifat berdaya saing.

“Anda hanya perlu tingkatkan keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi selain daripada cemerlang dalam akademik untuk ber-

saing dengan keluaran universiti lain,” katanya sambil menegaskan bahawa jurutera wanita juga boleh menjadi pemangkin pembangunan negara.

Dalam pada itu, pensyarah FKJ, Sr. Asmawan Mohd Sarman berkata pengetahuan berkaitan projek pembinaan lebuh raya dalam program ini sangat bermanfaat kerana lebuh raya adalah sebahagian daripada elemen kejuruteraan awam dan mempunyai kelainan tersendiri seperti persekitaran kerja yang berbeza daripada projek pembinaan bangunan.

“Daripada program ini juga pelajar dapat sedikit sebanyak mempersiapkan diri untuk menjadi seorang jurutera dalam bidang lebuh raya sebagai kerjaya pada masa hadapan,” ujar Asmawan.

Program yang diadakan itu melibatkan seramai 61 pelajar tahun dua FKJ.



**KENANGAN:** Fauziah merakamkan gambar bersama pelajar 61 pelajar tahun dua FKJ UMS.